

## **Pilihan Rasional dan *the Path of Least Resistance* dalam Memahami Tingkahlaku Gelandangan**

**Asyikin S.S & SitiHajar A.R.**

Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin

Tel: 609-6688081 Emel: sasyikin@unisza.edu.my

**Abstrak:** Isu gelandangan semakin diberi tumpuan oleh pelbagai pihak termasuk penyelidik. Mereka dianggap sebagai golongan yang gagal bersaing. Pelbagai teori digunakan untuk menjelaskan tingkah laku golongan gelandangan ini. Namun begitu, makalah ini hanya memfokuskan dua teori sahaja iaitu teori pilihan rasional dan teori *the path of least resistance*. Kedua-dua teori ini melihat cara penentuan dan pemilihan cara hidup golongan gelandangan dalam kehidupan mereka sama ada secara pilihan rasional atau pun secara *the path of least resistance* untuk memenuhi defisit yang dialami.

Kata Kunci: Gelandangan, teori, pilihan rasional, *path of least resistance*, tingkah laku.

### **Pengenalan**

Ahli sosiologi sependapat mengatakan manusia adalah “haiwan sosial” (*social animal*) yang tidak boleh hidup berseorangan tanpa masyarakatnya, tanpa tidak berinteraksi atau tidak berhubungan dengan individu-individu yang lain. Ahli-ahli fungsionalis berpandangan individu tidak boleh menjalankan fungsi, peranan dan tanggungjawab sosialnya seandainya ia hidup terasing daripada anggota masyarakat yang lain. Dengan kata lain, individu perlu berhubung atau membina hubungan dengan individu-individu lain, institusi-institusi sosial dan organisasi-organisasi sosial lain dalam memastikan segala keperluan hidup dan keperluan sosialnya dipenuhi. Begitu juga dengan golongan gelandangan. Mereka perlu menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain; hidup bermasyarakat, berinteraksi dan berhubung dengan anggota masyarakat yang lain untuk menikmati segala hak dalam kehidupan mereka dan seterusnya mengatasi segala defisit yang dialami. Namun begitu, siapakah yang bertanggungjawab terhadap golongan gelandangan ini, dan apakah pilihan yang mereka ada dalam menjalani kehidupan sebagai golongan gelandangan?

### **Pilihan Rasional Golongan Gelandangan**


Menjalani kehidupan sebagai golongan gelandangan selalunya bukan menjadi pilihan seseorang (Safran, 2006). Namun begitu, kepesatan pembangunan zaman sekarang sedikit sebanyak memberi impak kepada golongan yang gagal bersaing atau gagal menyesuaikan diri dengan arus pemodenan sesebuah negara sehingga ada yang menjadi golongan gelandangan. Persoalan yang timbul, kenapa seseorang itu memilih untuk bergelandangan? Adakah pilihan tersebut adalah pilihan yang dilakukan dalam keadaan yang terdesak? Adakah pilihan itu menjadi pilihan rasional yang terbaik? Atau mungkin kemahuan seseorang itu sendiri untuk bergelandangan kerana dimotivisasikan oleh faedah yang boleh diperolehi sekiranya bergelandangan?

Jika kita melihat dalam konteks pilihan rasional yang dibuat oleh golongan gelandangan, maka kita akan merujuk kepada pendapat-pendapat ilmuan tentang pilihan rasional dalam masyarakat. Pilihan rasional adalah proses dalam menentukan pilihan yang ada dan kemudian membuat pilihan yang paling digemari berdasarkan beberapa kriteria yang konsisten (Levin & Milgrom, 2004). Pilihan rasional bukan sahaja melibatkan perkara-perkara yang berbentuk ekonomi atau perkiraan matematik sahaja tetapi pilihan rasional ini juga dapat diaplikasi dalam situasi yang berlaku dalam masyarakat seperti isu gelandangan. Menurut Coleman, fenomena makro boleh dijelaskan melalui faktor internal seperti pilihan yang dibuat oleh seseorang (Ritzer & Goodman, 2004). Ahli sosiologi melihat tingkah laku manusia melibatkan elemen-elemen tindakan yang rasional, mahupun tidak rasional (Scott, 2000). Semua tingkah laku sosial boleh diperdebatkan kerana tingkah laku tersebut boleh dilihat sebagai tingkah laku yang dimotivasi secara rasional, atau mungkin dilihat sebagai tindakan yang tidak rasional (Scott, 2000). Hal ini kerana fenomena sosial yang kompleks dapat dijelaskan melalui tindakan individu itu sendiri. Bagi golongan gelandangan adalah rasional bagi mereka untuk bergelandangan walaupun masyarakat lebih cenderung untuk melihat golongan gelandangan sebagai suatu produk negatif atau sebagai hasil daripada penyakit individu yang membawa kepada ketidakstabilan sosial (Safran, 2006). Bagi mereka apa sahaja yang dilakukan oleh mereka adalah rasional walaupun pada pandangan orang lain adalah tidak rasional. Demi memenuhi keperluan hidup, mereka lebih rela memilih cara hidup tersendiri seperti bergelandangan, walaupun dianggap sebagai golongan yang menyimpang kerana melanggar norma masyarakat. Tingkah laku menyimpang ini melibatkan pertimbangan kos seperti kesan negatif dan keuntungan daripada tingkah laku tersebut (Voss & Abraham, 2000). Analisis pilihan rasional terhadap tingkah laku devian dan jenayah mengandaikan bahawa tingkah laku tersebut adalah tingkah laku bertujuan dan berorientasikan matlamat pelaku untuk mendapatkan komoditi asas; iaitu keperluan seperti wang, status, seks dan keseronokan (Clarke & Felson, 1993 dlm Voss & Abraham, 2000). Merujuk kepada situasi gelandangan, komoditi asas atau keperluan tersebut boleh diterjemahkan kepada keperluan diri seperti makanan dan juga kepuasan. Keadaan ini berlaku kerana manusia dimotivasi oleh kehendak dan matlamat yang secara tidak langsung menyatakan pilihan yang dibuat (Scott, 2000). Selalunya pilihan yang dibuat adalah berdasarkan keuntungan atau ganjaran yang diterima sehingga menyebabkan mereka membina andaian dan model-model tingkah laku manusia. Dalam konteks gelandangan, pilihan yang dibuat oleh mereka yang bergelandangan mungkin menguntungkan kerana mereka tidak perlu mengambil kira kos perbelanjaan hidup seperti makanan dan juga tempat perlindungan. Mereka bertindak mengikut situasi, kekangan dan maklumat yang ada dan seterusnya membuat pertimbangan untuk bertindak. Dalam bertindak membuat pilihan rasional, individu mesti menjangka hasil yang bakal diperolehi, tindakan alternatif lain yang boleh dilakukan dan mengambil kira adakah tindakan itu terbaik untuk mereka. Pilihan rasional yang dibuat oleh individu selalunya merupakan pilihan yang boleh memberi kepuasan yang terbaik terhadap mereka (Heath, 1976; Carling, 1992 & Coleman, 1973).

Semua tindakan adalah berdasarkan “rasional” dan golongan gelandangan mengambil kira kos dan faedah atau kebaikan yang diterima sebelum melakukan sesuatu tindakan. Mereka dimotivasi oleh kehendak dan matlamat yang akan mengarahkan tingkah laku mereka. Maka, sekiranya manusia ingin mendapatkan apa sahaja yang diinginkan, mereka perlu membuat pilihan berdasarkan matlamat dan keutamaan untuk mencapai matlamat tersebut. Tindakan rasional secara umumnya digunakan atau diaplikasikan kepada aktor sosial, iaitu golongan gelandangan dalam mempertimbangkan strategi-strategi atau pilihan-pilihan tertentu. Tingkah laku mereka dibentuk oleh ganjaran dan juga balasan atau hukuman yang diterima. Mereka akan mengelakkan diri daripada menerima hukuman, balasan atau keburukan daripada tindakan yang diambil. Hal ini kerana manusia mempelajari daripada pengalaman lepas yang akan membentuk tingkah laku mereka seterusnya. Dalam interaksi sosial, golongan gelandangan terlibat dalam situasi yang memaksa mereka bertindak dan membuat pilihan tertentu kerana mereka mengalami defisit keperluan terutamanya keperluan asas.

Menjadi gelandangan memerlukan mereka bertingkah laku sesuai dengan harapan umum ketika berinteraksi dengan khalayak ramai. Justeru, adalah menjadi perkara biasa kepada golongan gelandangan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sosialnya apabila bertindak dan bertingkah laku sebagaimana yang dikehendaki oleh kumpulan di mana mereka berada. Walau bagaimanapun, interaksi antara golongan gelandangan dengan masyarakat mungkin terganggu. Maka, mereka sedaya upaya cuba mengatasi gangguan-gangguan yang mungkin timbul dengan mengambil strategi tertentu untuk mengatasi masalah memenuhi keperluan hidup. Justeru, ada yang mengambil langkah tertentu seperti sering berpindah mencari tempat yang lebih sesuai sekiranya mereka tidak dapat meneruskan hidup di tempat atau kawasan mereka selalu bergelandangan akibat dihalau oleh pihak-pihak tertentu atau individu ataupun mungkin kawasan tersebut sukar untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi.

Rajah 1.1: Pilihan Rasional Golongan Gelandangan



Rajah 1.1 menunjukkan tentang pilihan rasional yang dibuat oleh individu untuk menjadi gelandangan bagi memenuhi keperluan hidup yang utama seperti keperluan fisiologi dan keperluan keselamatan. Mereka lebih mengutamakan keperluan hidup yang asas yang membolehkan mereka meneruskan hidup seperti keperluan makanan, minuman dan tempat perlindungan, iaitu tempat untuk tidur bagi golongan gelandangan. Hal ini menunjukkan pilihan yang dibuat oleh seseorang untuk bergelandangan berkait rapat dengan keperluan hidup. Mengikut Teori Maslow atau dikenali sebagai Teori Hierarki Keperluan Manusia (Rajah 1.2), beliau telah mengkategorikan keperluan asas manusia kepada lima keperluan mengikut hierarki. Keperluan tersebut ialah keperluan fisiologi (makanan, minuman, tidur, rehat dan pakaian), keperluan keselamatan (keinginan kepada kestabilan, pergantungan, perlindungan dan bebas dari rasa takut dan bimbang), keperluan kasih sayang (keluarga dan rakan-rakan), penghargaan kendiri (pengiktirafan tentang diri sendiri, penghormatan dari orang lain, mendapat kejayaan sosial dan mendapat kemasyuran) dan kesempurnaan diri (bakat, kebolehan dan potensi diri) (Reid-Cunningham 2008). Lima keperluan tersebut adalah keperluan universal masyarakat dalam semua budaya (Coleman 1970 dlm Wahba & Bridwell 1976). Semua orang mempunyai keperluan yang sama tetapi cara untuk mendapatkan keperluan tersebut adalah berbeza (Griffin, 2011). Begitu juga dengan golongan gelandangan. Mereka juga mempunyai keperluan yang sama dengan kelompok sosial atau masyarakat lain, tetapi cara mereka mendapatkan keperluan tersebut adalah tidak sama.

Rajah 1.2: Hierarki Keperluan Manusia, Maslow



Sumber: Ubahsuai daripada Reid-Cunningham 2008.

Walau bagaimanapun, keperluan ini boleh dihapuskan berdasarkan tuntutan budaya, proses pembelajaran dan sebagainya. Hierarki keperluan adalah mengikut keutamaan manusia. Begitu juga dengan golongan gelandangan. Keutamaan kepada keperluan yang lebih penting untuk mendapat apa yang dikehendaki dapat dilihat melalui pendapat Coleman, iaitu “seseorang

itu bertindak ke arah sesuatu matlamat dan matlamat itu (bersama tindakan) dibentuk oleh nilai-nilai atau keutamaan” (Coleman 1990 dlm Ritzer & Goodman 2004). Hierarki yang berada di bawah sekali adalah keperluan yang perlu dipenuhi sebelum hierarki yang lebih tinggi diberi keutamaan. Keperluan ini juga boleh berubah-ubah mengikut keadaan seseorang individu. Kebanyakan golongan gelandangan akan memenuhi keperluan hierarki yang berada di bawah kerana keperluan tersebut tidak bergantung kepada suasana atau faktor luar. Mereka boleh mendapat keperluan tersebut dengan mudah (fisiologi), terutamanya di bandar metropolitan seperti Kuala Lumpur. Hal ini kerana, banyak pihak yang memberi sumbangan kepada golongan tersebut seperti makanan percuma termasuklah kerajaan dan badan bukan kerajaan. Malah, golongan gelandangan sudah mahir tentang selok-belok untuk mereka mendapatkan makanan, minuman dan tempat untuk berlindung/berehat/tidur. Perkara “bila?”, “di mana?” dan “pukul berapa?” sudah menjadi sesuatu yang rutin bagi mereka. Perkara tersebut merujuk kepada pengetahuan mereka tentang tempat, hari dan waktu yang tepat di mana terdapatnya makanan secara percuma pada setiap hari. Mereka juga mengatasi masalah untuk mendapatkan tempat perlindungan dengan bergelandangan di tempat awam (taman, kawasan rehat, laluan pejalan kaki, kaki lima), tempat ibadat (masjid) mahupun rumah singgahan atau rumah transit (Anjung Singgah). Keadaan seperti inilah yang menimbulkan pergantungan hidup golongan gelandangan kepada pemberian secara percuma oleh mana-mana pihak mahupun secara individu. Maka, tidak hairanlah golongan ini merasakan adalah rasional bagi mereka untuk bergelandangan tanpa perlu bersusah payah, tanpa perlu bekerja dan tanpa perlu mengeluarkan wang untuk mendapatkan keperluan hidup asas.

### **Pilihan *The Path of Least Resistance* bagi Golongan Gelandangan**

Teori *The Path of Least Resistance* telah diperkenalkan oleh Robert Fritz pada tahun 1984. Menurut Fritz (1984; 2003) terdapat tiga andaian dalam *The Path of Least Resistance*. Pertama, manusia diibaratkan seperti sungai yang mengalir. Arus akan mengalirkan air di dalam sungai berkenaan. Begitu juga dengan kehidupan yang dilalui oleh setiap manusia; terutamanya golongan gelandangan. Kehidupan mereka dilalui melalui *the path of least resistance*. Dengan perkembangan kehidupan, arus pemodenan dan tuntutan kehidupan membawa setiap individu untuk menjalani kehidupan mereka mengikut arus terkini. Desakan kehidupan juga mendesak seseorang individu untuk melakukan sesuatu yang mendatangkan manfaat dan memudahkan kehidupan mereka. Oleh itu, setiap individu seharusnya menyedari dan mengetahui bahawa mereka boleh mengubah dan mengikut aliran haluan kehidupan mereka termasuklah tabiat makan, cara bekerja, cara menguruskan diri, cara berhubung dengan orang lain serta sikap yang dimiliki untuk menghasilkan kejayaan dalam kehidupan mengikut keadaan. Namun begitu, bagi sesetengah individu, kehidupan yang dilalui oleh mereka mungkin akan membawa mereka kepada keadaan kehidupan yang asal. Ini kerana, menurut Fritz (1984; 2003) manusia pada akhirnya akan kembali kepada sikap dan tingkah laku yang asal. Keadaan ini berlaku disebabkan kehidupan seseorang manusia yang telah ditentukan dan sebagai hukum alam, kita seharusnya menerima dan menggunakan *The Path of Least Resistance*.

Kedua, struktur kehidupan yang menentukan *The Path of Least Resistance*. Sama ada kita menyedari atau tidak, tetapi struktur berkenaan sebenarnya sudah wujud. Sepertimana struktur sungai; iaitu apabila air mengalir melalui sungai berkenaan ataupun sebaliknya. Begitu juga dengan kehidupan, di mana kita mungkin tidak perasan tentang struktur asas kehidupan kita serta bagaimana kuasa dan cara semula jadi menentukan cara hidup kita. Struktur kehidupan dalam hidup seseorang individu mengakibatkan mereka bergelandangan. Kebanyakan daripada mereka yang mengikut cara mereka tersendiri, malas berusaha, tiada tempat tinggal, dibuang oleh keluarga, dihalau dari rumah sewa kerana tunggakan bayaran, muflis, malas untuk bekerja, tiada matlamat hidup dan sebagainya berasa kecewa, tiada kekuatan untuk meneruskan kehidupan dan meneruskan kehidupan tanpa matlamat yang jelas. Justeru, jalan yang paling mudah untuk mereka meneruskan kehidupan adalah dengan cara bergelandangan. Menurut teori yang diutarakan oleh Fritz (1984; 2003) lagi, setiap individu cuba melakukan perubahan yang besar dalam perhubungan, kerjaya, keluarga, kesihatan dan kualiti hidup untuk mengenal diri sendiri dalam sesebuah kehidupan. Namun begitu, dalam jangka masa yang singkat sahaja, mereka kembali kepada keadaan yang asal atau corak kehidupan yang lama. Oleh itu, sekiranya tiada perubahan terhadap struktur yang menjadi asas kehidupan, kemungkinan untuk mereka melalui haluan yang sama adalah sangat tinggi. Disebabkan tiada perubahan terhadap asas kehidupan mereka, golongan gelandangan memilih untuk bergelandangan kembali walaupun ada di antara mereka yang pernah ditangkap oleh polis dan diberi tempat perlindungan sementara beberapa kali.

Ketiga, kita mungkin boleh mengubah struktur asas kehidupan sepertimana sungai yang mengalir mengikut arusnya. Oleh itu, kita boleh mengubah struktur asas kehidupan mengikut kehidupan yang diingini. Tambahan pula, sekiranya struktur asas yang baru sudah wujud, maka secara keseluruhan ia akan menolak kehidupan seseorang seperti kuasa sungai yang mengalir seperti gelombang untuk membentuk hasil yang diingini; dan secara langsung lorong berkenaan akan menjadi *The Path of Least Resistance*. Oleh itu, golongan gelandangan juga boleh mengubah cara dan corak kehidupan yang baru mereka seandainya mereka mahu. Inisiatif dan tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk golongan gelandangan seperti penubuhan Anjung Singgah merupakan struktur asas baru yang diwujudkan untuk penempatan sementara golongan ini. Mereka disediakan tempat perlindungan sementara, makanan dan minuman secara percuma sebanyak enam kali sehari serta perkhidmatan kaunseling yang komprehensif untuk membantu mereka. Mereka diberi peluang untuk tinggal di Anjung Singgah untuk tempoh maksimum selama dua minggu sehingga mereka mendapat pekerjaan sendiri. Di samping itu, pihak Anjung Singggah juga turut membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan seperti pengawal keselamatan supaya mereka dapat menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain dan mengatasi segala defisit kehidupan yang dialami. Inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan dapat membantu golongan ini mengubah dan meningkatkan struktur asas kehidupan mereka. Oleh yang demikian, ketiga-tiga andaian yang diguna pakai di dalam teori ini boleh

dipelajari dan digunakan untuk mengenalpasti struktur dalam kehidupan seseorang serta boleh mengubah corak kehidupan seperti yang diinginkan.

Menurut Fritz lagi, struktur boleh menentukan tingkahlaku atau gelagat seseorang melalui struktur yang dilalui. Ini kerana, struktur merupakan bahagian asas yang menghubungkan fungsi elemen-elemen individu dan hubungan antara satu sama lain secara keseluruhannya. Contohnya apabila kita berada dalam sebuah bangunan, struktur bangunan berkenaan akan menentukan haluan yang kita lalui. Walaupun kemungkinan kita akan bergerak ke destinasi yang dituju dengan cara yang pelbagai dalam bangunan berkenaan, tetapi setiap tindakan yang dilakukan adalah mengikut struktur bangunan tersebut. Kita akan berjalan menggunakan koridor yang ada tanpa berjalan melalui dinding, masuk melalui pintu utama dan bukannya melalui tingkap. Begitu juga dengan struktur asas dalam kehidupan golongan gelandangan yang menentukan *The Path of Least Resistance*. Mereka disediakan tempat tinggal dan perlindungan sementara. Mereka juga disediakan makanan dan minuman. Mereka diberikan perkhidmatan kaunseling agar mereka mempunyai kesedaran dan berusaha untuk mengubah cara hidup mereka ke arah yang lebih baik. Kesemua struktur ini amat berpengaruh dalam kehidupan kerana ia dapat mengubah keinginan, kepercayaan, andaian, aspirasi dan objektif realiti golongan gelandangan.

Oleh itu, bagaimana struktur mempengaruhi gelagat golongan gelandangan harus difahami. Mereka juga perlu mempunyai kesedaran untuk mengubah kehidupan mereka. Ini kerana, menurut Fritz (1984; 2003), terdapat dua prinsip yang jelas yang boleh digunakan ke atas gelagat manusia iaitu manusia bertindak mengikut struktur asas kehidupan mereka dan sesetengah struktur amat berguna dalam menentukan hasil yang diinginkan. Akan tetapi, terdapat struktur yang boleh menghasilkan satu keadaan yang tidak tetap dan terdapat struktur yang boleh menghasilkan suatu hasil atau mencapai destinasi terakhir seperti yang diingini. Justeru, mereka yang bergelandangan boleh memilih sama ada inginkan suatu hasil yang memberangsangkan atau sebaliknya.

Oleh yang demikian, perubahan kehidupan seseorang individu, terutamanya golongan gelandangan terhadap struktur asas bukannya berhasil daripada penyelesaian sesuatu masalah, tetapi melalui penciptaan satu ciptaan yang baru Fritz (1984; 2003). Ini kerana, perubahan terhadap struktur akan mengubah *The Path of Least Resistance* dan golongan gelandangan akan menggunakan serta mengaplikasikan perkara yang sepatutnya ke dalam kehidupan mereka. Perkara utama yang harus diketahui adalah proses yang kreatif di mana ianya sangat berbeza dengan dengan apa yang dipelajari daripada sistem pendidikan tradisional dan pendidikan sosial. Ini kerana, proses yang kreatif akan menghasilkan satu resolusi yang terakhir seperti yang diinginkan oleh orang yang menciptanya, terutama golongan gelandangan. Dengan mempelajari struktur asas suatu proses yang kreatif, rintangan boleh dicipta dan *The Path of Least Resistance* akan memandu arah seperti mana yang diinginkan.

## **Penutup**

Teori pilihan rasional dan juga teori *the path of least resistance* ini membincangkan tingkah laku golongan gelandangan mengikut perspektif masing-masing. Kedua-dua teori ini melihat cara penentuan dan pemilihan cara hidup golongan gelandangan dalam kehidupan mereka sama ada secara pilihan rasional atau pun secara *the path of least resistance* untuk memenuhi defisit yang dialami. Berdasarkan kedua-dua teori ini, golongan gelandangan memilih untuk hidup bergelandangan atas pilihan rasional mereka sendiri kerana faedah atau ganjaran tertentu yang bakal diperolehi atau mereka juga mungkin memilih untuk menjadi gelandangan kerana menjadi golongan gelandangan merupakan medium yang memudahkan kehidupan mereka dan mendatangkan manfaat.

## **Rujukan**

- Griffin, E. (2011). *A First Look at Communication Theory*. New York: McGraw-Hill.
- National Coalition for the Homeless. (2007). *Why are People Homeless?*. Washington: National Coalition for the Homeless. (atas talian) <http://www.nationalhomeless.org> (11 Disember 2013).
- Reid-Cunningham, A. R. (2008). *Maslow's Theory of Motivation and Hierarchy of Human Needs: Critical Analysis*. Scholl of Social Welfare, University of California.
- Ritzer, G & Goodman, D.J. (2004). *Sociological Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Fritz, R. (1984). *The Path of Least Resistance: Learning to Become the Creative Force in Your Own Life*. New York: Fawcett Books.
- Fritz, R. (2003). *The Path of Least Resistance: Your Life as Art*. Newfane: Newfane Press.
- Safran, E. (2006). Rational Choice and the Process of Becoming Homeless for Survivors of Domestic Violence. Latihan Ilmiah. Departmen of Economics of Amherst College. (atas talian) <https://www.amherst.edu> (12 November 2013).
- Scott, J. 2000. From Understanding Contemporary Society: Theories of The Present. London: Sage Publications.
- Voss, T. & Abraham, M. (2000). Rational Choice Theory in Sociology: A Survey. Dlm Quah, S.R. & Sales, A (pnyt.). *The International Handbook of Sociology*. London: Sage Publications.

Wahba, M.A. & Bridwell, L.G. (1976). *Maslow Reconsidered: A Review of Research on The Need Hierarchy Theory*. New York: Academic Press, Inc.